



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan, memenuhi syarat **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus **"PATUH"** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
MBMB/SH/2026/5 MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN VAKSIN THYPHIM KEPADA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BAGI TAHUN 2026 PERUNTUKAN : MBMB TARIKH KELULUSAN : 09/01/2026 NO. FAIL JABATAN MBMBJPSM.400-10/2/3 JLD.3	<u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</u> 050201- Dadah Berjadual (Berdaftar di Negeri Melaka sahaja) ; ATAU 050202 - Racun Berjadual (Berdaftar di Negeri Melaka sahaja) ; ATAU 050203 - Ubat dan Bahan Ubat-ubatan Tidak Berjadual (Berdaftar di Negeri Melaka sahaja) ; ATAU 050204 - Makanan / Minuman Tambahan (Berdaftar di Negeri Melaka sahaja)	<u>HARGA</u> RM10.00 * Tidak akan dikembalikan <u>TARIKH</u> 16 Januari 2026 (Jumaat) sehingga 26 Januari 2026 (Isnin)	TIADA	<u>TARIKH</u> 26 Januari 2026 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran , Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **16 Januari 2026 (Jumaat) sehingga 26 Januari 2026 (Isnin)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
 Setiausaha Bandaraya
 PPSM
 Ketua Audit Dalam